

TAHAP PENGETAHUAN DAN KEKANGAN YANG DIHADAPI OLEH GURU BAHASA MELAYU KETIKA MENGGUNAKAN APLIKASI GOOGLE MEET DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

(*The level of Knowledge and Constraint among Malay Language Teachers into Implementation
Online Teaching and Learning Using Google Meet Application*)

UGARTINI MAGESVARAN
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
p103831@siswa.ukm.edu.my

Dihantar pada:
13 Mei 2021

Diterima pada:
30 Ogos 2021

Koresponden:
d-zam@ukm.edu.my

Abstrak: Penggunaan aplikasi Google Meet (GM) merupakan suatu kaedah dalam manual pengajaran yang telah diperkenalkan oleh KPM. Kajian ini bertujuan untuk meneroka tahap pengetahuan dan kekangan yang dihadapi guru ketika menggunakan aplikasi GM sebagai medium pelaksanaan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian di sekolah menengah. Seramai 11 orang guru Bahasa Melayu di Kulim, Kedah dijadikan peserta kajian untuk ditemu bual. 5 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah kategori bandar dan 6 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah kategori luar bandar dipilih sebagai peserta kajian. Semua guru Bahasa Melayu ialah guru berpengalaman. Data temu bual dianalisis secara naratif. Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang penggunaan aplikasi GM dalam PdP Bahasa secara dalam talian adalah tinggi. Kekangan dan kesukaran yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu ketika mengajar menggunakan aplikasi GM ialah sikap pelajar yang tidak bersedia untuk belajar secara dalam talian, di samping sikap ibu bapa yang tidak memberi kerjasama semasa PdP dalam talian dijalankan. Kajian ini membuktikan bahawa walaupun PdP dalam talian suatu norma baharu dalam konteks pendidikan di Malaysia, tetapi guru-guru menunjukkan komitmen yang tinggi untuk melaksanakan PdP secara talian. Guru-guru menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah mengajar berbantuan aplikasi digital seperti GM untuk menarik minat pelajar untuk belajar secara dalam talian.

Kata Kunci: Pengetahuan guru, kekangan guru, aplikasi Google Meet, pengajaran dan pembelajaran dalam talian, pendidikan Bahasa Melayu

Abstract: The use of the Google Meet (GM) application is a method in the teaching manual that has been introduced by the MOE. This study aimed to explore the level of knowledge and constraints faced by teachers when using the GM application as a online teaching and learning (TnL) Malay Language at secondary school. A total of 11 Malay Language teachers in Kulim, Kedah study participants to be interviewed. 5 Malay Language teachers who teach in the school category and 6 teachers of Malay Language teaching in rural schools category selected as study participants. All Malay Language teachers are experienced teachers. Interview data were analyzed narratively. The findings show that the level of knowledge of Malay Language teachers on the use of GM application in TnL is high. Constraints and difficulties faced by the Malay Language teachers when teaching use applications GM is the attitude of students who are not ready to learn online, in addition to the attitude of parents who did not cooperate during the TnL online run. This study proves that although online TnL is a new norm in the context of education in Malaysia, but teachers show a high commitment to implement online TnL. Teachers use a variety of teaching approaches and methods assisted by digital applications such as GM to attract students to learn online.

Keywords: Teacher knowledge, constraints, Google Meet application, online teaching and learning, Malay language education

PENGENALAN

Penutupan kesemua institusi pendidikan disebabkan pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang meluas dalam kalangan pendidik dan pelajar. Mahu tidak mahu rakyat harus mengikuti arahan kerajaan untuk keselamatan semua, termasuk dalam pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM 2020) telah memaklumkan langkah proaktif, iaitu daripada kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) bersemuka kepada PdP secara dalam talian sepenuhnya. Manual PdP di rumah (PdPR) disediakan bagi memudahkan guru-guru melaksanakan PdPR secara dalam talian. Hal inilah masanya serta peluang bagi semua guru dalam mengaplikasikan pengetahuan dari segi kreativiti serta kebolehan mereka dalam proses PdP secara dalam talian ini. Dengan ini, guru dan pelajar dapat meningkatkan kemahiran PdP tanpa bergantung kepada buku teks atau bahan yang bercetak sepenuhnya (Muniroh et al. 2020).

Menurut Rahayu et al. (2020), corak, kaedah dan gaya PdP memerlukan perubahan drastik di luar jangkaan pemikiran biasa dalam kalangan guru apabila berhadapan dengan norma baharu ini. KPM juga telah melaksanakan penanguhan beberapa peperiksaan awam sebagai langkah awal bagi membolehkan proses PdP dapat disempurnakan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perubahan PdP menerusi dunia maya merupakan salah satu cabaran baharu terutamanya bagi para guru apabila mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan norma kehidupan ini kerana tiada pilihan lain selain memanfaatkan literasi teknologi maklumat dan komunikasi-TMK (Abidah et al. 2020).

Pandangan berbeza daripada Manzoor dan Ramzan (2020), yang menganggap PdP secara dalam talian menjadi kesukaran kepada pelajar berkeperluan khas serta pelajar dari latar belakang golongan susah (khususnya B40 dan M40) yang tidak mempunyai akses kepada TMK. Beliau mengatakan bahawa, langkah ini merupakan tidak adil bagi golongan pelajar tersebut walaupun tiada pilihan lain, tetapi berharap KPM mengambil langkah yang proaktif untuk mereka yang menghadapi kesukaran. Ibu bapa juga harus memainkan peranan dalam menyediakan keperluan seperti penyediaan peranti TMK dan lain-lain untuk anak-anak mendalami dunia pendidikan menerusi talian sepanjang tempoh PKP ini. Ringkasnya, kerjasama semua pihak perlu untuk mengendalikan PdP secara dalam talian supaya berjalan lancar tanpa sebarang halangan.

Google Meet (GM) mempunyai kelebihan yang banyak berbanding aplikasi lain dimana para guru boleh menggunakan ia untuk pembelajaran maya. PdP secara dalam talian tidak akan menjadi satu isu yang rumit kerana menurut Hayati (2020), sebanyak 80 peratus pelajar sekolah menengah mempunyai peranti telekomunikasi. Bagi pelajar yang tidak dapat mengikuti kelas GM secara dalam talian, mereka mempunyai peluang untuk menonton rakamannya pada bila-bila masa. Dengan adanya kelebihan GM ini, maka

usaha guru tidak akan menjadi bagai mencurahkan air ke daun keladi malah dapat memastikan setiap pelajar tidak ketinggalan pendidikan.

Kelebihan GM pastinya akan memuaskan kehendak para pendidik dalam menyampaikan pengajarannya kerana ia juga merupakan satu aplikasi media yang alternatif untuk proses PdP yang mampu ditampilkan pada aplikasi *Android*, aplikasi web mahupun *iOS* (Wikipedia, 2020). Platform GM telah menjadi norma baharu yang perlu diaplikasikan dalam rutin harian pekerjaan bagi kebanyakan orang khususnya guru-guru yang bekerja secara maya. Mahu tidak mahu, wabak COVID-19 yang melanda dunia ini rupanya memberi kebaikan dan hikmah yang meluas kepada para pendidik dalam usaha guru-guru boleh meneroka faedah menerusi teknologi maklumat yang sedia ada kini dengan mengaplikasikan kreativiti dan kebolehan mereka (Muniroh et al. 2020).

Rumusannya, pandemik COVID-19 bukan sahaja mempengaruhi PdP secara konvensional tertangguh, malah ia juga telah menjadi semakin mencabar kepada guru-guru Bahasa Melayu. Jadi, guru-guru dan pelajar mesti bersedia dengan norma baharu ini dan menjadikan ia sebagai kebiasaan harian kerana tidak ada pilihan selain daripada memanfaatkan TMK menerusi pelbagai aplikasi dalam talian demi kelangsungan proses PdP pelajar (Nor Fauziana 2020). Struktur pendidikan kini memerlukan guru-guru yang mempunyai pengetahuan TMK. Walaupun pandemik ini telah memberi impak yang sangat buruk kepada masyarakat, tetapi ia telah memberi satu peluang yang sangat besar kepada semua guru dalam melengkapkan diri dengan penguasaan teknologi digital secara mendalam. Hal ini akan memudahkan guru-guru untuk mempelbagaikan strategi dan kaedah PdP Bahasa Melayu. Tuntasnya, guru-guru perlu beradaptasi dengan norma baharu ini untuk menyiapkan pelajar yang celik teknologi digital dalam menjelang cabaran Revolusi Industri 4.0.

PERNYATAAN MASALAH

Penyelidikan tentang aplikasi GM dalam pendidikan, kurang dilaksanakan kerana kebanyakan kajian dilaksanakan secara umum mengenai pelbagai aplikasi dalam proses PdP seperti *Microsoft Teams* dan *Zoom* (Zakaria et al. 2020). GM merupakan aplikasi yang baharu dilancarkan pada tahun 2017 dengan menggantikan *Google Hangouts* sebenarnya (Wikipedia 2020). Pada mulanya ia tidak seberapa aktif dalam kalangan warga pendidik kerana ciri-cirinya tidak sebegitu memberi manfaat serta PdP berlangsung secara konvensional di semua institut pendidikan. Wujudnya, penularan wabak COVID-19, enjin *Google* telah mengambil peluangnya untuk memperkembangkan lagi GM dengan tambahan 30 faktor kelebihan yang cukup memuaskan (Wikipedia 2020). Kini, aplikasi GM mempunyai kelebihan yang banyak jika dibandingkan

dengan aplikasi-aplikasi lain seperti *Zoom*, *Teams* dan sebagainya. Salah satunya ialah GM boleh diintegrasikan secara langsung ke dalam GC, iaitu *Google Classroom* di mana ia amat membantu pendidik dalam menyampaikan PdP yang berkesan.

Pandemik COVID-19 bukan sahaja menjadi suatu masalah kepada pelajar, malah guru-guru juga telah mengalami pelbagai cabaran dalam mengendalikan proses PdP secara dalam talian. Hal ini kerana PdP dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya sebagai norma baharu dan ia bukan satu kebiasaan dalam kalangan warga pendidik. Bukan semua guru mempunyai pengetahuan mengenai teknologi maklumat, terutamanya guru-guru dari kategori orang lama (Abdul Halim 2020). Pernyataan ini telah pun dinyatakan dalam kajian yang dilaksanakan oleh Sumarni dan Zamri (2018) yang mendapati guru-guru sekolah menengah yang berpengalaman masih tidak memenuhi kemahiran teknologi di mana kurang mahir dalam penggunaan TMK. Guru-guru menghadapi masalah untuk menerima teknologi digital semasa proses PdP dalam talian (Md. Fadzil 2020). Guru-guru perlu memahami walaupun ia merupakan suatu pembaharuan tetapi ia akan memperluaskan pengalaman serta pengetahuan mereka dari segi strategi dan kaedah pengajaran. Marni Izzati (2020) menyatakan bukan semua guru yang berpengetahuan bersedia untuk proses PdP secara dalam talian malah mereka lebih mengutamakan pengajaran bersemuka kerana persekitaran bilik darjah yang lebih selesa, tidak didapati melalui PdP secara maya. Oleh sebab itu, kebanyakan guru mengalami banyak kekangan untuk mengajar secara dalam talian. Namun begitu, guru tetap mengajar bagi memastikan setiap pelajar tidak ketinggalan dan tidak tercicir dalam menerima pendidikan.

Rumusannya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kekangan yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu mengaplikasikan GM sebagai medium PdP Bahasa Melayu dalam talian sepanjang penutupan sekolah kerana pandemik COVID-19. Kajian ini juga mengetahui kesediaan pelajar untuk belajar Bahasa Melayu secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi GM.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN

PdP secara dalam talian adalah segala aktiviti yang melibatkan pelajar dan guru menggunakan mana-mana platform digital dalam talian bagi menjalankan sesi PdP (Mohd Fairuz et al. 2020). Andrew et al. (2020) dan Arias et al. (2018), telah membuat satu penyelidikan perbandingan antara pembelajaran dalam talian dengan pembelajaran secara bersemuka mendapati bahawa kos pelaksanaan PdP dalam talian lebih murah. Beliau mengatakan bahawa pelajar dari kawasan pedalaman juga dapat mengikuti PdP dalam talian secara berkesan. Walaupun kos yang rendah, pengiraan latar belakang

sosioekonomi pelajar amat mengutamakan dalam bersedia dengan keperluan-keperluan untuk mengikuti PdP secara dalam talian. Kini ia merupakan suatu kewajiban serta keperluan bagi bidang pendidikan secara menyeluruh dalam mencegah penularan wabak COVID-19 secara besar-besaran (Muhammad Izzat et al. 2020).

Shazarina et al. (2020), berpendapat bahawa norma baharu ini telah amat membimbangkan pelajar mahupun pendidik juga turut menghadapi keresahan yang tersendiri. Hal ini kerana, walaupun guru-guru bersemangat untuk menyampaikan pengajaran yang efektif, namun jika tiada penyertaan dan kesediaan yang secukupnya daripada pelajar maka matlamat pelaksanaan PdP tidak boleh dicapai sepenuhnya (Muniroh et al. 2020). Pernyataan ini sokong oleh Siti Balqis dan Muniroh (2020) yang menyatakan, hasil tinjauan kajian mereka mendapati terdapat segelintir pelajar tidak memberi kerjasama dan masih tidak bersedia dengan PdP secara dalam talian.

Pelajar-pelajar perlu menyesuaikan dengan PdP secara dalam talian yang membolehkan mereka untuk membina kemahiran dengan pembelajaran sendiri kerana pemikiran dahulu iaitu menunggu cikgu untuk memulakan pembelajaran dimana bergantung semata-mata dengan bantuan guru, tidak sesuai pada norma baharu ini (Muniroh et al. 2020). Walaubagaimanapun hasil kajian oleh Dwi Briiliannur et al. (2020), mendapati bahawa PdP secara dalam talian bagi pelajar sekolah adalah kurang berkesan kerana wujudnya kekangan ekonomi dari segi sarana dan prasarana serta persediaan guru dari segi tahap pengetahuan juga amat dititikberatkan. Kekangan ekonomi telah menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat menyediakan peranti digital, kelajuan rangkaian jalur lebar yang kurang menyeluruh, kesukaran mengakses internet dan sebagainya.

Menurut Nor Fauziana (2020), PdP secara dalam talian ini memerlukan kerjasama dan komitmen daripada semua pihak terutamanya guru dari segi pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi. Guru-guru perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu ini kerana ia akan menjadi satu peluang kepada guru dalam mendalami pengetahuan dari segi teknologi yang akan membantu mempelbagaikan corak pengajarannya dalam era pandemik COVID-19 ini demi kelangsungan sesi pembelajaran yang berkesan.

KAJIAN APLIKASI GOOGLE MEET

Siti Balqis dan Muniroh (2020), menyatakan pada mulanya guru-guru telah menggunakan platform *Zoom* untuk memudahkan proses PdP secara dalam talian tetapi didapati berita yang gemparkan bahawa tahap keselamatan, menggunakan medium *Zoom* agak merisaukan dimana berlakunya penghilangan maklumat peribadi pengguna. Oleh hal yang demikian, guru-guru telah memilih medium lain iaitu medium GM untuk menyampaikan pengajarannya kerana ia mempunyai tahap keselamatan yang tinggi serta tidak memerlukan

e-mel untuk log masuk dimana memudahkan semua pelajar mengikuti sesi PdP secara dalam talian. Terdapat beberapa kajian lepas Zakaria et al. (2020), Rahayu et al. (2020), Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020) serta Muhammad Izzat et al. (2020), menyatakan bahawa fleksibiliti melaksanakan PdP menerusi aplikasi GM adalah tren pada norma baharu ini.

GM adalah aplikasi yang baharu dilancarkan pada tahun 2017 dengan menggantikan *Google Hangouts* yang telah dibangunkan oleh *Google*. Aplikasi ini dilancarkan sebagai konsep persidangan video pada mulanya. Wujudnya, penularan wabak COVID-19, *Google* telah mengambil peluangnya untuk memperkembangkan lagi GM dengan tambahan 30 faktor kelebihan yang cukup memuaskan. Penggunaan GM berkembang sepanjang pandemik COVID-19 disebabkan oleh beberapa kelebihan yang tidak dapati daripada aplikasi lain. Sebagai contoh, GM boleh diintegrasikan dengan aplikasi *Google* lain seperti, *Google Classroom*, *Google Doc* dan sebagainya (Wikipedia 2020). Hal ini secara langsung akan memudahkan guru-guru dalam mengendalikan PdP secara dalam talian dengan berkesan.

Siti Balqis dan Muniroh (2020), menyatakan bahawa guru-guru boleh merekod PdPc melalui aplikasi GM dan berkongsi kepada pelajar yang menghadapi kekangan untuk mengikuti sesi PdP. Ia juga akan menjadi rujukan pada bila-bila masa kepada pelajar untuk pembelajarannya. Menurut Bani Hidayat (2020), dengan adanya integrasi pelbagai aplikasi lain dengan GM, maka berlakunya peningkatan tahap produktiviti dari segi pengetahuan serta kreativiti dalam kalangan pelajar dan guru. Guru-guru harus mahir menggunakan medium multimedia untuk mempelbagaikan corak pengajarannya supaya dapat mengekalkan tahap kesediaan pelajar untuk mengikuti PdP secara dalam talian (Mohd Fairuz et al. 2020).

Satu kajian tentang kesediaan penggunaan GM telah dilaksanakan oleh Zakaria et al. (2020), bagi melihat keberkesanan penggunaan GM sepanjang tempoh PKP. Hasil kajian mendapati pelajar bersikap positif terhadap penggunaan GM semasa sesi pembelajaran dalam talian di mana tahap kesediaan mereka berada pada tahap yang tinggi. Hal ini kerana, pendidik menyediakan pelbagai asas pembelajaran dalam talian menggunakan platform GM telah membantu mereka memahami objektif PdP secara keseluruhan. Pelajar juga berpendapat bahawa mereka sering menggunakan elemen-elemen serta ikon yang telah disediakan dalam GM kerana ia sangat interaktif. Kajian oleh Muhammad Izzat et al. (2020) menyokong penghujahan berikut, dimana majoriti pelajar aktif berkomunikasi serta bersoal jawab dengan guru melalui forum dan chat yang disediakan dalam GM.

Kesimpulannya, aplikasi GM akan menjadi satu medium yang bersesuaian untuk meneruskan sesi PdP secara dalam talian kerana kelebihan GM cukup memuaskan guru serta pelajar. Secara keseluruhannya, aplikasi GM sebagai medium pelaksanaan PdP Bahasa

Melayu secara dalam talian dalam kalangan pelajar akan memberi kesan yang baik jika semua pihak terutamanya pelajar, guru serta ibu bapa memberi kerjasama dalam mengendalikan sesi PdP sepanjang tempoh PKP. Guru-guru perlu mendalami teknologi maklumat dan komunikasi serta memilih aplikasi yang bersesuaian dengan objektif pengajaran supaya matlamat PdPc dapat dicapai. Ketiadaan TMK semestinya telah menyebabkan kesukaran kepada semua pihak untuk meneruskan PdP secara dalam talian semasa pandemik COVID-19.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Meneroka tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu sekolah menengah ketika penggunaan aplikasi GM sebagai medium pelaksanaan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian.
2. Meneroka kekangan yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu sekolah menengah ketika penggunaan aplikasi GM sebagai medium pelaksanaan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian.
3. Meneroka tahap kesediaan pelajar ketika menggunakan aplikasi GM sebagai medium PdP secara dalam talian dari perspektif guru Bahasa Melayu

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif. Denzin dan Lincoln (1994) menyatakan bahawa kajian berbentuk kualitatif merangkumi pelbagai kaedah utama, termasuk kaedah penggunaan Naturalisme (semula jadi) untuk mempelajari sesuatu subjek. Creswell (1994) menyatakan penyelidikan kualitatif sebagai proses mencari pemahaman berdasarkan kaedah pengumpulan data yang biasa digunakan semasa peninjauan masalah sosial.

Seramai 11 orang guru Bahasa Melayu daripada dua buah sekolah menengah kebangsaan (SMKA) dipilih sebagai peserta kajian. 5 orang guru mengajar di SMKA yang dikategorikan sebagai sekolah bar bandar. Guru-guru yang telah dipilih merupakan pengguna aplikasi GM sebagai medium untuk melaksanakan proses PdP Bahasa Melayu secara dalam talian. Kedua-dua buah SMK ini terletak di Bandar Baharu Kulim, Kedah. Pemilihan sekolah yang berlainan status adalah untuk melihat pengaruh status sosioekonomi pelajar terhadap proses PdP Bahasa Melayu secara dalam talian.

Kaedah temu bual digunakan sebagai alat pengumpulan data. Temu bual dalam kajian ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan dan kekangan/masalah yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu semasa melaksanakan PdP secara dalam talian menggunakan aplikasi GM. Temu bual tidak berstruktur telah digunakan kerana soalan-soalan yang diajukan

kepada responden telah disusun secara terperinci supaya memenuhi kehendak objektif kajian. Temu bual tidak berstruktur dilaksanakan secara tidak bersemuka disebabkan oleh keadaan negara yang berada dalam PKP.

Kandungan protokol temu bual dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A berkaitan latar belakang guru yang merangkumi umur, pengalaman mengajar dan kelulusan tertinggi guru. Pada Bahagian B, menemu bual tentang tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu berdasarkan faktor umur dan pengalaman mengajar ketika pelaksanaan PdP secara atas talian menerusi aplikasi GM. Bahagian C berkaitan kekangan yang dihadapi oleh guru sekolah menengah ketika pelaksanaan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian menerusi aplikasi GM semasa pandemik COVID-19. Bahagian D berkaitan tahap penguasaan pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian dari perspektif guru Bahasa Melayu. Data temu bual dianalisis berdasarkan soalan-soal temu bual yang diajukan. Daripada data temu bual tersebut, data dianalisis secara naratif.

DAPATAN KAJIAN

Maklumat Demografi Responden Guru

Sampel kajian yang terlibat dalam temubual ini terdiri daripada 11 orang guru Bahasa Melayu sekolah menengah daripada dua buah sekolah yang berstatus bandar dan luar bandar. Profil responden guru meliputi umur, kelulusan tertinggi dan pengalaman mengajar. Jadual 1 menunjukkan dapatan analisis deskriptif demografi responden guru yang merangkumi nilai frekuensi (f) dan peratusan (%). Setiap guru diberikan koding, iaitu Guru Bahasa Melayu merujuk kepada GBM1 sehinggalah GBM11.

Berdasarkan Jadual 1, didapati bahawa bilangan responden guru yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 11 orang guru bahasa Melayu secara keseluruhannya di mana 5 orang guru daripada SMKA yang berstatus bandar dan 6 orang daripada SMKB yang berstatus luar bandar. Analisis juga didapati bahawa bilangan guru yang berumur dalam lingkungan 21 hingga 30 tahun adalah seramai 2 orang, 31 hingga 40 tahun seramai 6 orang, 41 hingga 50 tahun pula seramai 2 orang dan bagi umur 51 hingga 60 tahun adalah seorang. Dari segi kelulusan tertinggi pula, didapati hanya seorang memiliki diploma pendidikan. Guru yang memiliki ijazah sarjana muda pula seramai 7 orang dan selebihnya 3 orang guru memiliki kelulusan tertinggi di peringkat sarjana. Berdasarkan analisis pada jadual 4.12 didapati bahawa guru-guru yang berpengalaman mengajar dalam lingkungan 1 hingga 5 tahun adalah seramai 2 orang diikuti dengan lingkungan 6 hingga 10 tahun pula seramai 4 orang, 11 hingga 15 tahun seramai 3 orang dan akhirnya lingkungan 16 hingga 20 tahun pula seramai 2 orang guru.

JADUAL 1. Analisis demografi responden guru

Pemboleh Ubah		Frekuensi	Peratus
		(f)	(%)
Umur	21 hingga 30 tahun	2	18.2
	31 hingga 40 tahun	6	54.5
	41 hingga 50 tahun	2	18.2
	51 hingga 60 tahun	1	9.1
Kelulusan tertinggi	Diploma pendidikan	1	9.1
	Ijazah Sarjana Muda	7	63.6
	Sarjana	3	27.3
Pengalaman mengajar	1 hingga 5 tahun	2	18.2
	6 hingga 10 tahun	4	36.3
	11 hingga 15 tahun	3	27.3
	16 hingga 20 tahun	2	18.2

Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Melayu Menggunakan Google Meet Secara Dalam Talian

Bahagian ini membincangkan tahap pengetahuan guru-guru Bahasa Melayu ketika menggunakan aplikasi GM sebagai medium PdP Bahasa Melayu secara dalam talian. Sedia tahu, penggunaan TMK bukanlah suatu perkara yang baharu buat guru-guru kerana KPM (2013) telah pun memperkenalkan kepentingan TMK dalam anjakan PPPM 2013-2015. Oleh sebab itu, PdP secara dalam talian menjadi satu platform bagi guru-guru dalam mempertingkatkan lagi tahap pengetahuan mereka. Bagi mengetahui pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang aplikasi GM dalam PdP Bahasa Melayu dalam talian, sebanyak lima soalan diajukan kepada mereka.

Soalan 1: Adakah guru menyediakan pelbagai pendekatan pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian menggunakan GM? Daripada temu bual, didapati bahawa guru-guru Bahasa Melayu memang menyediakan pelbagai kaedah pembelajaran bagi pelajar sepanjang pelaksanaan PdP secara dalam talian supaya mereka sentiasa bersedia dari segi mental dan fizikal. Didapati bahawa guru-guru telah bersedia upaya dalam mewujudkan pelaksanaan PdP secara dalam talian yang berkesan serta memenuhi objektif pelajarannya.

GBM8: Ya. Kami telah menyediakan modul pembelajaran yang merangkumi nota serta aktiviti yang relevan dengan topik berkenaan.

GBM9: Kaedah pembelajaran berasaskan masalah dilaksanakan yang merupakan pendekatan berpusatkan pelajar iaitu secara berkumpulan dalam menyelesaikan sesuatu masalah menggunakan kemahiran yang dimilikinya.

GBM11: Saya memilih pembelajaran masteri supaya kami boleh teruskan dengan latihan pengayaan bagi pelajar cerdas serta latihan pengukuhan bagi pelajar yang belum menguasainya.

Soalan 2: Adakah guru merekod video sesi PdP Bahasa Melayu dalam GM untuk rujukan pelajar? Didapati bahawa, majoriti guru Bahasa Melayu merekod video sesi PdP untuk menjadikan ia sebagai

rujukan kepada pelajar. Merekod video merupakan salah satu fungsi GM yang memainkan peranan yang penting dalam kalangan pelajar yang kurang berkemampuan untuk mengikuti PdP secara dalam talian. Di samping itu, pemantauan ibu bapa sangat diutamakan bagi pelaksanaan PdP secara dalam talian tetapi hanya segelintir sahaja memberi kerjasama dalam mengambil tahu pelajaran anaknya seperti yang telah dinyatakan oleh GBM4, GBM6 dan GBM10.

GBM4: Saya merekod video untuk dijadikan sebagai rujukan kepada pelajar-pelajar yang boleh membantu semasa mengulangkaji pelajarannya.

GBM6: Saya merekod video kerana pelajar-pelajar yang tidak dapat mengikuti sesi PdP disebabkan oleh beberapa kekangan yang dihadapi terutamanya bagi pelajar yang tidak mempunyai peranti digital serta capaian internet yang kurang menyeluruh boleh menjadikan ia sebagai rujukan.

GBM10: Terdapat ibu bapa yang mengutamakan pendidikan anak-anak, akan meminta kami merekod video sebagai bukti anak-anaknya menghadiri diri ke kelas berikut serta dapat memantau anak-anaknya dari segi persiapan tugas yang diberi oleh guru.

Soalan 3: Adakah guru mempelbagaikan corak pengajaran Bahasa Melayu secara dalam talian menerusi GM? Dapatan temu bual menunjukkan, guru-guru telah menggunakan platform PdP secara dalam talian ini dengan berkesan dalam mempelbagaikan corak pengajaran mereka dengan bantuan kemahiran TMK. Corak pengajaran menerusi GM sama seperti PdP konvensional iaitu dengan mewujudkan komunikasi dua hala telah membantu guru-guru sentiasa bersedia dengan pelbagai aplikasi dalam mempelbagaikan corak PdP agar pelajar-pelajar dapat ditarik serta memudahkan kefahamannya. Perkara ini dinyatakan oleh GBM2 dan GBM3 ketika ditemu bual.

GBM2: Kami sentiasa bersedia dengan pelbagai aplikasi untuk menarik perhatian pelajar iaitu melalui penyampaian video, kuiz, slaid dan sebagainya menerusi GM. Jika, kami hanya menggunakan corak pengajaran yang sama, pelajar-pelajar sekalian mudah rasa bosan.

GBM3: Ya, kami telah mempelbagaikan corak pengajaran agar memudahkan kefahaman pelajar.

Soalan 4: Adakah guru selesa menggunakan teknologi maklumat untuk pengajaran menerusi aplikasi GM untuk pelaksanaan PdP Bahasa Melayu secara atas talian? Hasil temu bual didapati bahawa, kesemua guru Bahasa Melayu selesa dalam menggunakan TMK untuk pengajaran menerusi aplikasi GM sepanjang pelaksanaan PdP secara dalam talian. Mereka bersetuju bahawa penggunaan teknologi maklumat dalam PdP mampu memberi kesan yang efektif. Pada masa yang sama, tahap pengetahuan guru juga dapat dipertingkatkan dengan mempelbagaikan corak pelaksanaan PdP. Didapati bahawa, guru-guru Bahasa Melayu telah menyesuaikan diri mengikut

teknologi semasa akibat daripada perwujudan pandemik COVID-19 ini. Temu bual dengan GBM1, GBM5 dan GBM8 mengesahkan kenyataan ini.

GBM1: Ya, saya selesa dengan penggunaan teknologi maklumat untuk pengajaran menerusi GM kerana saya dapat mempelbagaikan corak PdP menerusi GM kerana integrasi GM dengan kesemua aplikasi di bawah Google menyenangkan saya dalam membangunkan pelbagai bahan bantu mengajar secara dalam talian.

GBM5: Pandemik COVID-19 ini telah memberi peluang yang sangat besar kepada saya dalam meningkatkan kemahiran TMK dalam memberi pengajaran yang efektif dari segi kualitinya.

GBM8: Penggunaan teknologi maklumat untuk pelaksanaan PdP secara dalam talian mampu menjimatkan masa saya dimana pengajaran dapat dilaksanakan secara sistematik dan teratur. Walau bagaimanapun, sekadar asas TMK sahaja tidak mencukupi untuk saya sebagai guru, malah perlu mempertingkatkan lagi pengetahuannya agar PdP dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Soalan 5: Adakah guru menggunakan pelbagai kaedah bagi penilaian pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam menerusi GM? Pendek kata, terdapat guru-guru Bahasa Melayu telah mempelbagaikan kaedah penilaian pembelajaran tetapi mengikut kesesuaian dan kesediaan pelajar dengan mengira latar belakang pelajar tetapi segelintir guru hanya menggunakan kaedah penilaian yang biasa kerana mereka bersetuju bahawa kurangnya pengetahuan dalam mengaplikasikan kemahiran TMK dalam penilaian pembelajaran.

GBM7: Tidak sebegitu kerana saya tidak mempunyai pengetahuan yang lebih dalam penggunaan TMK untuk penilaian pembelajaran. Jadi, saya hanya menggunakan kaedah yang biasa dengan memberi latihan bertulis, ujian, pembentangan dan kuiz melalui chat menerusi GM.

GBM10: Saya perlu menyediakan kaedah yang sesuai dengan mengira kekangan-kekangan yang dihadapi oleh pelajar. Jika saya hanya sekadar menggunakan kaedah penilaian menerusi GM sahaja, kemungkinan pelajar yang tidak menghadiri diri akan menghadapi kesukaran.

Rumusan temu bual tentang pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang penggunaan GM dapat dirujuk dalam Jadual 2. Daripada analisis dapatan dan rumusan dalam Jadual 2, dapat dirumuskan bahawa:

1. Guru-guru Bahasa Melayu mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi walaupun mereka bukannya pakar dalam bidang ini.
2. Guru-guru Bahasa Melayu menggunakan pelbagai pendekatan PdP Bahasa Melayu semasa mengajar dalam talian menggunakan GM.
3. Guru-guru Bahasa Melayu telah memanfaatkan kemahiran TMK dalam pelaksanaan PdP secara dalam talian menggunakan GM.

4. Guru-guru Bahasa Melayu banyak menggunakan kaedah penulisan dan kuiz sebagai kaedah penilaian dan pentaksiran ketika menggunakan GM ketika mengajar Bahasa Melayu dalam talian.
5. Tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menggunakan GM tidak dipengaruhi oleh faktor umur dan pengalaman mengajar.

JADUAL 2. Rumusan tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang penggunaan GM

DAPATAN	GURU-GURU BAHASA MELAYU (GBM)											
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	
Item 1: Adakah guru menyediakan pelbagai pendekatan PdP Bahasa Melayu dalam talian menggunakan GM?												
Pembelajaran berasaskan modul/bahan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Pembelajaran berasaskan masalah	x	/	/	x	/	/	/	/	/	/	x	x
Pembelajaran masteri	x	x	/	/	x	x	x	/	x	x	/	/
Pembelajaran berasaskan permainan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Pembelajaran berasaskan aktiviti	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Soalan 2: Adakah guru merekod video sesi PdP Bahasa Melayu dalam GM untuk rujukan pelajar?												
Sebagai rujukan utk semua pelajar	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Rujukan bagi pelajar yang tidak dapat menghadirkan diri	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Permintaan ibu bapa	x	/	x	x	/	/	x	x	/	/	/	/
Soalan 3: Adakah guru mempelbagaikan corak PdP Bahasa Melayu secara dalam talian menerusi GM?												
Video	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Kuiz	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Slaid power point	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Soalan 4: Adakah guru selesa menggunakan TMK menerusi aplikasi GM untuk pelaksanaan PdP Bahasa Melayu secara atas talian?												
Dapat mempelbagai corak PdP	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Pembinaan yang efektif	/	x	/	/	/	x	x	x	/	/	/	/
Peningkatan kemahiran TMK	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Penjimatan masa	x	/	/	x	x	x	x	/	/	/	/	/
Soalan 5 : Adakah guru menggunakan pelbagai kaedah bagi penilaian pembelajaran Bahasa Melayu dalam talian menerusi GM?												
Penulisan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Ujian	x	x	/	/	x	x	/	/	/	/	/	/
Pembentangan	/	/	/	x	x	x	/	/	x	/	x	/
Kuiz	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/

Rumusan temu bual tentang pengetahuan guru Bahasa Melayu tentang penggunaan GM dapat dirujuk dalam Jadual 2. Daripada analisis dapatan dan rumusan dalam Jadual 2, dapat dirumuskan bahawa:

6. Guru-guru Bahasa Melayu mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi walaupun mereka bukannya pakar dalam bidang ini.
7. Guru-guru Bahasa Melayu menggunakan pelbagai pendekatan PdP Bahasa Melayu semasa mengajar dalam talian menggunakan GM.

8. Guru-guru Bahasa Melayu telah memanfaatkan kemahiran TMK dalam pelaksanaan PdP secara dalam talian menggunakan GM.
9. Guru-guru Bahasa Melayu banyak menggunakan kaedah penulisan dan kuiz sebagai kaedah penilaian dan pentaksiran ketika menggunakan GM ketika mengajar Bahasa Melayu dalam talian.
10. Tahap pengetahuan guru Bahasa Melayu menggunakan GM tidak dipengaruhi oleh faktor umur dan pengalaman mengajar.

Kekangan Guru Bahasa Melayu Ketika Menggunakan Google Meet Secara Dalam Talian

Bagi mengetahui sejauh mana guru-guru Bahasa Melayu ini menghadapi kekangan atau masalah ketika menggunakan aplikais GM semasa mengajar dalam talian, temu bual telah dijalankan. Kesemua 11 orang guru Bahasa Melayu ini telah ditemu bual untuk dikenal pasti kekangan yang dihadapi oleh mereka ketika melaksanakan PdP Bahasa Melayu menerusi aplikasi GM dalam talian. Sebanyak lima soalan diajukan kepada mereka.

Soalan 1: Adakah guru menghadapi kesukaran untuk melakukan penilaian dan pentaksiran terhadap penguasaan pelajar menggunakan GM? Daripada soalan 1 ini didapati bahawa, keluarga yang mempunyai tanggungan anak yang banyak selalunya berhadapan dengan masalah kekurangan peranti digital. Ibu bapa tidak dapat menyediakan keperluan pelajar untuk mengikuti PdP secara dalam talian kerana pendapatan yang tidak mencukupi untuk membeli kehendak pelajar. Kebanyakan keluarga yang berstatus B40 menghadapi kekangan-kekangan yang berikut. Oleh hal yang demikian, pelajar tidak dapat mengikuti sebarang ujian yang dijalankan secara dalam talian kerana waktu perjalanan PdP bagi adik-beradik juga dilaksanakan pada waktu yang sama. Capaian internet yang kurang menyeluruh juga menyebabkan sebahagian pelajar tidak dapat mengikuti ujian atau kuiz yang dijalankan. Terdapat guru Bahasa Melayu berpendapat bahawa, sikap pelajar itu sendiri juga menjadi faktor menghadapi kesukaran untuk melakukan penilaian prestasi pelajar. GBM5 dan GBM8 mengesahkan kesukaran dalam membuat penilaian dan pentaksiran terhadap pelajar mereka ketika menggunakan GM.

GBM5: Ya, pelajar kerap tidak mengikuti PdP secara dalam talian kerana pelajar berhadapan dengan kekangan-kekangan tertentu seperti kekurangan peranti digital kerana adik-beradik juga perlu mengikuti PdP pada waktu yang sama. Saya menghadapi kesukaran apabila membuat penilaian prestasi pelajar kerana mereka tidak dapat menghadiri semasa perjalanan ujian atau kuiz secara dalam talian.

GBM8: Sikap pelajar itu sendiri menyebabkan kesukaran kerana pelajar sengaja tidak mahu menghadirkan diri ke PdP secara dalam talian mahupun ada juga pelajar yang tidak menghantar tugasan yang telah diberikan terutamanya pelajar dari

kelas belakang. Hal ini secara langsung mengakibatkan penilaian dan pentaksiran terhadap penguasaan pelajar.

Soalan 2: Adakah guru menghadapi kesukaran untuk mewujudkan komunikasi dua hala semasa sesi PdP Bahasa Melayu menerusi GM? Hasil temu bual mendapati bahawa, kesemua 11 orang guru Bahasa Melayu bersetuju dengan pernyataan ini dimana mereka menghadapi kesukaran untuk mewujudkan komunikasi dua hala ketika pelaksanaan PdP secara dalam talian. Sikap pelajar itu sendiri menjadi faktor utama kerana mereka tidak berminat untuk sesi perbincangan. Mereka mengambil peluangnya untuk mengelakkan diri sebaliknya menggunakan media sosial atau bermain Game pada waktu PdP kerana ibu bapa hanya memberi peranti digital pada waktu pelaksanaan PdP sahaja. Namun begitu, terdapat segelintir pelajar masih tidak bersedia dan membiasakan diri dengan platform baharu ini dimana pelajar yang aktif sebelum PdP secara dalam talian juga tidak sebegitu aktif dalam sesi perbincangan secara dalam talian. Hal dikatakan oleh GBM2, GBM6 dan GBM11 ketika ditemu bual.

GBM2: Sikap pelajar itu sendiri merupakan faktor utama penyumbang kepada masalah ini dimana mereka tidak mahu maklum balas semasa sesi perbincangan mahupun semasa saya mengajukan soalan.

GBM6: Pelajar suka menutup video serta audio demi mengelakkan dirinya. Keadaan sedemikian berlaku kerana tiada pantauan daripada orang di sekeliling terutamanya ibu bapa. Jadi, mereka mengambil peluangnya dengan menggunakan media sosial, bermain 'Game' dan sebagainya semasa sesi PdP berlangsung.

GBM11: Saya telah meneliti perkara ini kerana pelajar-pelajar berikut tidak mahu juga berkomunikasi melalui chat atau forum yang disediakan dalam GM. Saya pernah mengadu dengan ibu bapa pelajarnya tetapi masih tiada perubahan dimana kebanyakan pelajar yang berperangai sebegini adalah daripada kategori kelas B dan seterusnya.

Soalan 3: Adakah guru menghadapi kesukaran mengakses internet untuk mengendalikan PdP Bahasa Melayu dalam talian menerusi GM? Jelas menunjukkan bahawa bukan sahaja pelajar malah guru Bahasa Melayu juga menghadapi kesukaran mengakses internet ketika penggunaan GM sebagai medium pelaksanaan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian. Talian internet yang kurang menyeluruh di kawasan perumahan mereka menyebabkan guru-guru beralih ke sekolah untuk mendapat capaian internet yang baik. Jika tidak, penyampaian pengajaran tidak dapat dilaksanakan secara berkesan kerana kemungkinan wujud masalah suara terputus dan sebagainya boleh menyebabkan pelajar-pelajar mudah rasa tertekan seperti mana diberitahu oleh GBM5 dan GBM10 ketika ditemu bual.

GBM5: Ya. Hal ini kerana kelajuan jalur lebar yang kurang menyeluruh di kawasan perumahan saya.

Dengan ini, adakalanya suara terputus semasa perjalanan sesi PdP secara dalam talian.

GBM10: Saya biasanya pergi ke sekolah demi meliputi talian internet untuk pelaksanaan PdP secara dalam talian kerana di kawasan kampung saya masih tiada jalur lebar yang kukuh.

Soalan 4: Bagaimana dengan sokongan dan dorongan pembelajaran daripada ibu bapa/ penjaga untuk mengikuti PdP Bahasa Melayu menerusi GM? Kesemua 11 orang guru Bahasa Melayu bersetuju bahawa latar belakang keluarga yang daripada status keluarga B40 memainkan peranan terhadap kekangan yang dihadapi oleh pelajar. Hal ini kerana ibu bapa tidak mempunyai masa untuk mengambil tahu perkembangan pembelajaran pelajar malah pemerhatian keseluruhannya beralih terhadap pekerjaan dan isi rumah untuk menyara hidup. Oleh sebab itu, mereka menghadapi kesukaran dalam memantau prestasi pelajar secara menyeluruh. Ibu bapa bukan seharusnya menyerahkan kesemuanya kepada tangan guru, malah perlu memberi sokongan dan dorongan supaya pelajar sentiasa bersedia untuk mengikuti PdP secara dalam talian kerana pelajar berada dalam lingkungan pemerhatian ibu bapa secara keseluruhannya dimana ia akan berterusan dalam jangka masa yang panjang. GBM1, GBM4, GBM9 dan GBM11 mengesahkan kekangan dan kesukaran yang dihadapi oleh mereka dalam mendapatkan sokongan daripada ibu bapa pelajar mereka.

GBM1: Majoriti ibubapa sibuk mencari rezeki sepanjang pandemik COVID-19 kerana sektor pekerjaan yang terjejas menyebabkan ibubapa panik maka tidak mempedulikan pendidikan anaknya.

GBM4: Ibu bapa telah menyerahkan segala tanggungjawab mengenai pendidikan kepada kami mahupun mereka tidak mengambil berat untuk bertanya khabar tentang pelajaran anak-anaknya. Hal ini secara langsung menyebabkan kami sebagai guru sukar untuk mengenalpasti prestasi pelajarannya.

GBM9: Masih tidak memuaskan kerana hanya segelintir sahaja aktif bertanya perkembangan anak malahan selebihnya tidak pernah. Kami bukan suruh ibu bapa selalu mengambil tahu atau memantau anak-anaknya jika menghadapi kesukaran malah mereka boleh sahaja memeriksa tugas dan memastikan hantar kesemuanya pada hari cuti.

GBM11: Sebahagian ibu bapa pelajar merupakan daripada latarbelakang tiada pendidikan akan biasanya tidak memberi sokongan dan dorongan mahupun mereka tidak peduli langsung pendidikan anak-anaknya.

Soalan 5: Adakah kehadiran pelajar semasa pelaksanaan PdP Bahasa Melayu menerusi GM memuaskan? Berdasarkan soalan 5, majoriti guru Bahasa Melayu bersetuju bahawa kehadiran pelajar dalam mengikuti PdP Bahasa Melayu menerusi GM adalah memuaskan tetapi segelintir daripadanya menyatakan tidak memuaskan. Hal ini sebab kerana, kekangan-kekangan yang dihadapi oleh pelajar menjadi

punca utama pelajar tidak dapat menghadirkan diri terutamanya pelajar dari latar belakang keluarga B40. Terdapat pelajar masih tidak menghadirkan diri atas alasan tidak menyiapkan tugas yang diberi. Keadaan sebegini agak merisaukan guru Bahasa Melayu dalam mengendalikan PdP yang berkesan secara dalam talian. Ketidakhadiran pelajar dan tidak menyiapkan tugas memberi masalah kepada guru seperti dinyatakan oleh GBM3, GBM7, dan GBM11 ketika ditemu bual.

GBM3: Tanggungan anak yang banyak menyebabkan ibu bapa tidak dapat menyediakan kelengkapan pendidikan bagi anak-anaknya. Kebanyakan pelajar berkongsi peranti digital dengan adik beradik kerana pelaksanaan PdP pada waktu yang sama menyebabkan pelajar berhadapan dengan kekangan.

GBM7: Sedia tahu, capaian Internet dan kelajuan jalur lebar menjadi punca pelajar tidak menghadirkan diri serta melemahkan semangat pelajar untuk belajar menerusi PdP secara dalam talian.

GBM11: Perkara biasa yang selalu kita ketahui, jika pelajar tidak menyiapkan tugas yang diberi juga akan tidak menghadirkan diri. Pelajar yang selesa tanpa sebarang kekangan juga tidak menghadirkan diri. Apabila saya menghubungi ibu bapanya, kami akan mengetahui sebabnya seperti berikut.

Rumusan analisis temu bual ini dapat ditunjukkan dalam Jadual 3. Daripada Jadual 3 tersebut, dapat dirumuskan bahawa:

1. Guru Bahasa Melayu berhadapan dengan pelbagai kekangan semasa menggunakan GM sebagai medium pelaksanaan PdP secara dalam talian.
2. Kekangan utama yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu ketika menggunakan GM ialah masalah capaian Internet yang kurang memuaskan.
3. Kebanyakan pelajar daripada keluarga B40 tidak dapat menghadiri kelas sepenuhnya kerana ketiadaan peranti digital.
4. Kebanyakan pelajar tidak bersedia untuk belajar secara dalam talian.
5. Guru Bahasa Melayu menghadapi masalah disebabkan tidak mendapat kerjasama daripada pelajar dan ibu bapa ketika sesi PdP dalam talian dijalankan.
6. Ibu bapa kurang memberi pemantauan terhadap kehadiran, penglibatan dan penghantaran tugas anak-anak mereka ketika belajar dalam talian.

JADUAL 3. Rumusan kekangan yang dihadapi guru Bahasa Melayu menggunakan GM

DAPATAN	GURU-GURU BAHASA MELAYU (GBM)										
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
Soalan 1: Adakah guru menghadapi kesukaran untuk melakukan penilaian dan pentaksiran terhadap penguasaan pelajar secara dalam talian menerusi GM?	/	x	/	/	/	/	x	/	x	x	/
Kekurangan peranti digital kerana adik-beradik juga perlu mengikuti PdP pada waktu yang sama menyebabkan pelajar tidak dapat hadir ujian atau kuiz.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Capaian internet pelajar yang kurang menyeluruh	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Sikap pelajar sendiri yang sengaja abaikan ujian dan kuiz terutamanya pelajar dari kelas belakang	x	x	/	/	/	x	x	/	/	x	x
Soalan 2: Adakah guru menghadapi kesukaran untuk mewujudkan komunikasi dua hala semasa sesi PdP Bahasa Melayu menerusi GM?	x	/	x	x	/	/	x	x	/	/	/
Sikap pelajar itu sendiri	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Masih pelajar tidak bersedia dengan PdP secara dalam talian	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Soalan 3: Adakah guru menghadapi kesukaran mengakses internet untuk mengendalikan PdP Bahasa Melayu dalam talian menerusi GM?	/	/	x	/	/	x	x	x	x	/	x
Capaian internet yang kurang menyeluruh	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Soalan 4: Bagaimana dengan sokongan dan dorongan pembelajaran daripada ibu bapa untuk mengikuti PdP Bahasa Melayu dalam talian menerusi GM?	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Ibu bapa sibuk bekerja	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Ibu bapa telah menyerahkan segala tanggungjawab mengenai pendidikan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Ibu bapa yang tidak berpendidikan	x	/	x	x	/	/	/	x	x	/	/
Ibu bapa sibuk bekerja	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Soalan 5: Adakah kehadiran pelajar semasa pelaksanaan PdP Bahasa Melayu dalam talian menerusi GM memuaskan?	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Penulisan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Ujian	x	x	/	/	x	x	/	/	/	/	/
Pembentangan	/	/	/	x	x	x	/	/	/	x	/

Tahap Kesediaan Pelajar Ketika Menggunakan Aplikasi Google Meet sebagai Medium Pengajaran dan Pembelajaran Secara Dalam Talian dari Perspektif Guru Bahasa Melayu

Bagi mengetahui sejauh mana tahap kesediaan pelajar belajar Bahasa Melayu secara dalam talian menggunakan GM, temu bual dilakukan terhadap 11 orang guru Bahasa Melayu tersebut. Sebanyak empat soalan dikemukakan kepada 11 orang guru Bahasa Melayu ini. Temu bual ini bertujuan untuk meneroka pendapat guru Bahasa Melayu terhadap tahap kesediaan pelajar mereka ketika belajar Bahasa Melayu menggunakan aplikasi GM.

Soalan 1: Adakah pelajar fokus semasa PdP Bahasa Melayu menerusi aplikasi GM? Sepanjang pelaksanaan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian menerusi GM, tidak semua pelajar fokus kerana pelajar

masih mengutamakan PdP secara bersemuka. Hal ini secara jelas dapat dibuktikan daripada jawapan guru-guru tersebut tentang punca-punca pelajar hilang fokus semasa pelaksanaan sesi PdP dalam talian menggunakan GM. Dengan ini, guru-guru Bahasa Melayu perlu mempelbagaikan kaedah pelaksanaan PdP supaya murid tidak mudah merasa bosan serta mendorong pelajar. Gangguan persekitaran perlu dititikberatkan oleh kesemua ibu bapa serta penjaga kerana tanggungjawab mereka dalam menyediakan persekitaran yang kondusif kepada pelajar sehingga mengikuti sesi PdP secara dalam talian. Hal ini dapat dirujuk pada temu bual GBM6, GBM9 dan GBM10 seperti berikut:

GBM6: Kurangnya motivasi diri serta sikap pelajar itu sendiri menjadi punca utama pelajar tidak memberi kerjasama dalam meneruskan PdP dalam talian. Ibu bapa pelajar juga tidak mengambil berat dalam memantau perlakuan anak-anaknya kerana sibuk bekerja.

GBM9: Gangguan persekitaran menjadi salah satu faktor pelajar tidak berfokus dimana adik-beradik menjadi penyebab hilang fokusnya terhadap PdP secara dalam talian. Ibu bapa membiarkan anak-anak kecil (adik beradik) dalam jagaan pelajar menyebabkan pelajar sukar mengatasi gangguan persekitaran.

GBM10: Pelajar juga berpendapat bahawa, mereka berasa bosan menghadap skrin komputer atau telefon dalam tempoh yang lama. Jika di sekolah, mereka akan bergerak membuat projek, eksperimen dan sebagainya tetapi kini semua subjek perlu berhadapan dengan skrin peranti sepenuhnya menjadikan mereka bosan.

Soalan 2: Adakah pelajar bersoal jawab semasa sesi perbincangan yang dilakukan menerusi aplikasi GM dalam kelas Bahasa Melayu? Semasa PdP Bahasa Melayu, kebanyakan pelajar agar sukar untuk melibatkan diri secara aktif kelas dalam talian. Sukar untuk guru mendapatkan kerjasama daripada pelajar, terutamanya pelajar kelas hujung yang banyak duduk diam, menutup audio dan video. Pelajar juga berasa malu dan segan untuk menjawab atau bertanya soalan kepada guru semasa belajar dalam talian. Faktor-faktor ini menjadi penyebab utama pelajar tidak bersedia bersoal jawab ketika penggunaan aplikasi GM sebagai medium pelaksanaan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian. Temu bual dengan GBM2, GBM5 dan GBM11 mengukuhkan dapatan ini.

GBM2: Kebiasaannya agak sukar untuk mewujudkan perbincangan di dalam kelas sehingga kami perlu bertanya beberapa kali untuk bersoal jawab. Apatah lagi, dengan PdP secara dalam talian. Majoriti pelajar tidak suka maklum balas melalui audio mahupun di ruangan 'Chat' dalam GM. Kadang-kadang sesi perbincangan tidak jadi, kerana hanya saya seorang bersoal serta memberi jawapan malah pelajar pula diam tapi berharap mereka akan mencatat kehendaknya.

GBM5: Kami menghadapi kesukaran dalam menarik perhatian pelajar kerana setelah mereka mendapati

guru akan bersoal dalam sesi perbincangan, pelajar sengaja menutup video serta audio demi mengelakkan dirinya terutamanya pelajar dari kategori kelas ketiga dan seterusnya.

GBM11: Pelajar juga berasa malu dan segan bertanya semasa sesi perbincangan dijalankan walaupun mereka ingin bersoal jawab kerana pelajar berfikir akan nampak muka dalam videonya.

Soalan 3: Adakah terdapat peningkatan tahap kesediaan pelajar sebelum dan semasa PdP Bahasa Melayu secara dalam talian menerusi GM? Melalui temu bual, didapati tahap kesediaan pelajar semasa PdP secara dalam talian semakin hari semakin mengecewakan jika dibandingkan dengan sebelum. Hal ini kerana pelajar serta ibu bapa masih tidak bersedia secara mental dan fizikal dalam menyesuaikan norma baharu ini. Jika situasi begini berterusan, sukar bagi guru-guru dalam mengendalikan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian. Ibu bapa atau penjaga kurang mengambil berat tentang pendidikan anak-anak mereka. Ibu bapa kurang memberi kerjasama kepada guru dalam meningkatkan tahap penguasaan pelajar. Secara langsung, ia menyukarkan guru Bahasa Melayu untuk melaksanakan PdP secara dalam talian. Tahap kesediaan pelajar yang kurang memuaskan ini dijelaskan oleh GBM1, GBM7 dan GBM8 ketika ditemu bual.

GBM1: Bagi kelas hadapan, mereka berminat dan bersedia dalam menyiapkan segala tugas yang diberi malahan hal ini agak berbeza dengan kelas belakang kerana tiada pantauan daripada ibu bapa, malas membuat kerja yang diberi dan tidak mendengar arahan yang diberi oleh kami.

GBM7: Tiada peningkatan. Jika di sekolah, kami akan mengenalpasti kelemahannya secara terperinci semasa menguji mereka atau dari segi tugas tetapi kini pelajar enggan membuat tugas menjadikan guru sukar untuk membantu pelajar dalam penguasaannya. Kami tidak menyuruh ibubapa untuk mendidik anak-anak tetapi hanya meminta mereka memantau perlakuan anak-anaknya supaya tidak keciciran pelajarannya.

GBM8: Sikap pelajar itu sendiri menjadi punca tahap penguasaan pelajar makin rendah. Biasanya pelajar dari kelas hadapan sangat aktif dengan membuat pembetulan bagi semua tugas yang diberi tetapi kini pelajar jarang hantar tugas, tidak mahu mengambil langkah dengan bertanya atau menghubungi guru untuk memperbaiki kesalahannya kerana mereka risau akan terganggu masa guru atau dimarahinya. Kami sebagai guru tidak dapat membantu pelajar dalam memperbaiki kelemahannya kerana tiada kerjasama daripada ibu bapa.

Soalan 4: Adakah pelajar memahami penyampaian isi pelajaran melalui medium GM ketika belajar Bahasa Melayu secara dalam talian? Segelintir guru bersetuju pelajar memahami isi pelajaran melalui medium GM tetapi selebihnya menyatakan 'tidak' kerana guru-guru itu sendiri mengatakan bahawa

mereka tidak sebegitu pandai dalam penggunaan TMK terutamanya guru-guru Bahasa Melayu yang berumur melebihi 40 tahun. Walau bagaimanapun, PdP secara bersemuka menjadi pilihan utama bagi pelajar-pelajar sekalian kerana guru-guru masih tidak menguasai kemahiran TMK yang boleh menarik proses PdP secara dalam talian. GBM3 dan GBM4 menyatakan bahawa pelajar kurang memahami PdP Bahasa Melayu dalam talian menggunakan GM seperti dalam temu bual berikut:

GBM3: Penggunaan BBM yang tidak efektif menjadikan kefahaman pelajar kurang menyeluruh tetapi kami sebagai guru telah mengambil beberapa langkah yang proaktif dalam menyampaikan isi pelajaran yang berkesan.

GBM4: Kelebihan GM dalam mengintegrasikan dengan kesemua aplikasi di bawah Google telah membantu sangat dalam mempelbagaikan penggunaan BBM kami tetapi bukannya menarik sangat seperti guru-guru yang pakar dalam penggunaan TMK. Majoriti pelajar memahami penyampaian isi pelajaran.

JADUAL 4. Tahap kesediaan pelajar belajar Bahasa Melayu menggunakan aplikasi GM dari persepektif guru Bahasa Melayu

DAPATAN	GURU-GURU BAHASA MELAYU (GBM)										
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11
Soalan 1: Adakah pelajar fokus semasa PdP Bahasa Melayu menerusi aplikasi GM?											
Kurangnya motivasi diri	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Sikap pelajar	/	/	/	/	x	/	x	/	/	/	/
Gangguan persekitaran	x	/	x	/	x	x	/	/	/	x	x
Merasa bosan	/	/	/	x	/	/	/	/	/	x	/
Soalan 2: Adakah pelajar bersoal jawab semasa sesi perbincangan yang dilakukan menerusi aplikasi GM?											
Sikap pelajar yang mengelakkan diri	/	/	x	x	/	x	/	/	/	/	/
Berasa malu dan segan bertanya	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Soalan 3: Adakah terdapat peningkatan tahap penguasaan pelajar sebelum dan semasa PdP Bahasa Melayu secara dalam talian menerusi aplikasi GM?											
Tidak bersedia secara mental & fizikal	/	/	/	/	x	/	/	/	/	/	x
Sikap pelajar yang tidak peduli	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Pelajar tidak membuat tugas	/	x	x	/	/	/	/	/	/	x	/
Guru tidak dapat membantu kerana tiada kerjasama daripada ibu bapa	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Soalan 4: Adakah pelajar memahami penyampaian isi pelajaran melalui aplikasi GM?											
Kurang tahap pengetahuan dalam kemahiran TMK	/	x	/	/	/	x	x	/	/	/	x
BBM yang tidak efektif	x	x	/	/	x	x	/	x	/	x	/

Tahap kesediaan pelajar daripada perspektif guru ini dapat dirumuskan dalam Jadual 4. Berdasarkan temu bual dan juga Jadual 4, dapat disimpulkan bahawa:

1. Tahap kesediaan pelajar semasa penggunaan GM sebagai medium PdP Bahasa Melayu secara dalam talian berada pada tahap yang rendah jika dibandingkan dengan PdP secara bersemuka. Pelajar tidak bersedia sepenuhnya untuk belajar secara dalam talian.
2. Guru-guru Bahasa Melayu berpendapat bahawa masih ramai pelajar tidak menyesuaikan diri mengikut peredaran zaman disebabkan oleh beberapa kekangan yang dilalui terutamanya pelajar daripada keluarga B40.
3. Guru-guru Bahasa Melayu lebih mengutamakan PdP konvensional/bersemuka kerana tiada pengetahuan yang banyak mengenai kemahiran TMK dalam mempelbagaikan corak pelaksanaan PdP secara dalam talian menerusi GM.

PERBINCANGAN

Pengetahuan Guru Bahasa Melayu Menggunakan Aplikasi Google Meet sebagai Medium Pelaksanaan PdP Bahasa Melayu Secara dalam Talian

Fleksibiliti dalam melaksanakan segala tugas melalui aplikasi digital adalah trend masa kini. Pelbagai medium diguna pakai bagi pelaksanaan PdP secara dalam talian, termasuk realiti visual dan realiti terimbuh (AR) yang berupaya secara interaktif selari dengan kaedah PdP abad ke-21. Dengan menyokong agenda Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, ia pasti akan mempengaruhi tanggungjawab guru dalam mendidik dan melahirkan modal insan yang sesuai dengan hasrat KPM. Sebaliknya, pelaksanaan PdP secara dalam talian merupakan satu peluang yang amat besar bagi guru-guru dalam mempersiapkan diri mengikut era teknologi. Hasil maklum balas daripada guru-guru Bahasa Melayu didapati bahawa, majoriti guru bersetuju bahawa PdP melalui aplikasi GM meningkatkan kemahiran TMK.

Dalam kajian ini didapati guru-guru Bahasa Melayu selesai melaksanakan proses PdP menerusi aplikasi GM dengan bantuan TMK. Guru Bahasa Melayu dapat mempelbagaikan corak pengajaran selari dengan tahap kebolehan serta pembelajaran pelajar. Kajian Zakaria et al (2020) selari dengan dapatan kajian ini. Dalam kajian Zakaria et al, guru-guru telah memanfaatkan fungsi-fungsi aplikasi GM terutamanya dengan merekod video sesi PdP sebagai rujukan kepada pelajar yang ketinggalan kelas dan tidak memahami konsep yang diajar. Melalui aplikasi GM, pelajar dapat mengikuti sesi PdP yang mereka tidak fahami atau tidak dapat ikuti melalui rakaman video yang terdapat dalam GM. Rakaman video tersebut kemudian dikongsikan kepada pelajar melalui aplikasi telegram dan whatsapp supaya pelajar lebih mudah memahami apa yang tidak dapat diikuti sepenuhnya dalam kelas dalam talian.

Dapatan kajian ini juga menyamai dengan kajian Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020) serta Muhammad Izzat et al. (2020) yang mendapati guru dan pelajar seronok belajar menggunakan GM sebagai peranti digital ketika belajar secara dalam talian.

Walaupun tidak begitu mahir dalam penggunaan TMK, guru-guru Bahasa Melayu telah berusaha sedaya upaya demi kelangsungan PdP yang berkesan kerana mereka terikat dalam menghabiskan silibus serta demi memastikan sesi pembelajaran pelajar tidak terabai sepanjang pelaksanaan PKP. Dapatan ini disokong oleh kajian Nurhazirah dan Masayu (2020), yang menyatakan guru perlu menggunakan ilmu serta kemahiran dalam mendidik dan menilai keguruan untuk merangsang perkembangan pelajar kerana mereka merupakan agen utama dalam menjayakan PdP secara dalam talian disamping membimbing pelajar agar sentiasa bersedia untuk menghadapi segala perubahan. Seseorang guru yang cemerlang perlu mempunyai ilmu pengetahuan, kepakaran, kemahiran dan motivasi yang tinggi semasa menjalankan sesuatu tanggungjawab, terutamanya dalam pelaksanaan PdP yang berkualiti.

Tuntasnya, hasil maklum balas guru didapati tahap pengetahuan guru-guru Bahasa Melayu ketika penggunaan aplikasi GM sebagai medium PdP secara dalam talian berada pada tahap yang memuaskan. Guru-guru Bahasa Melayu mahir dalam penggunaan peralatan teknologi, walaupun ada sesetengah daripada mereka mengalami kesukaran untuk menggunakan beberapa ikon atau elemen yang terdapat dalam GM tersebut. Kemahiran digital yang cekap perlu dalam mewujudkan PdP yang menarik.

Kekangan Dihadapi oleh Guru Bahasa Melayu Menggunakan Aplikasi Google Meet sebagai Medium Pelaksanaan PdP Bahasa Melayu Secara dalam Talian

Dalam usaha memastikan anak-anak pelajar tidak keciciran pelajarannya, guru-guru bahasa Melayu telah bertungkus lumus demi pelaksanaan PdP secara dalam talian yang berkesan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan guru-guru masih berhadapan dengan pelbagai kekangan ketika pelaksanaan PdP Bahasa Melayu menerusi aplikasi GM sepanjang PKP. Berdasarkan temu bual didapati bahawa, guru-guru Bahasa Melayu menghadapi kesukaran dalam melaksanakan penilaian dan pentaksiran terhadap penguasaan pelajar. Disini timbulnya persoalan apabila bagaimana kaedah penilaian dan pentaksiran secara holistik ini dapat memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) jika menghadapi kesukarannya.

Perubahan PdP secara bersemuka kepada secara dalam talian telah memaksa guru-guru Bahasa Melayu untuk lebih responsif dan proaktif walaupun kekurangan peranti digital serta capaian Internet yang kurang menyeluruh dalam kalangan pelajar mereka. Tanggungan anak yang banyak menyebabkan pelajar berkongsi peranti digital bersama adik beradik yang

menyebabkan mereka tidak dapat menghadiri PdP secara dalam talian sepenuhnya. Dapatan ini selari dengan kajian Azlin Norhaini et al. (2021) yang mendapati antara cabaran yang dihadapi oleh guru ketika mengajar dalam talian adalah penglibatan pelajar di dalam kelas dalam talian kurang memuaskan kerana masalah capaian Internet dan ketiadaan peranti digital yang sesuai dengan PdP dalam talian. Zamri et al. (2020) menyatakan bahawa cabaran utama PdP dalam talian semasa pandemik COVID-19 ialah masalah capaian Internet yang kurang memuaskan dan keberadaan pelajar semasa PdP dalam talian dijalankan.

Namun, kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif dalam membendung kekangan-kekangan berikut supaya pelajar tidak ketinggalan pelajarannya, tetapi sikap sesetengah pelajar itu sendiri yang tidak memberi kerjasama terutamanya pelajar dari kelas belakang yang sengaja ponteng PdP secara dalam talian adalah perkara yang sangat membimbangkan. Hal ini kerana pelajar-pelajar bebas daripada pantauan ibu bapa yang sibuk bekerja. Guru-guru Bahasa Melayu menghadapi kesukaran dalam mewujudkan komunikasi dengan pelajar kerana masih terdapat pelajar yang tidak menyesuaikan dirinya mengikut perubahan sistem pendidikan. Pernyataan ini disokong oleh Azlin Norhaini et al. (2021) dalam kajiannya yang menyatakan komunikasi guru dan pelajar melalui PdP secara dalam talian adalah sangat terbatas. Semasa PdP secara bersemuka pelajar-pelajar tidak dapat melarikan diri dari menjawabnya soalan yang diajukan tetapi masih sukar dalam mewujudkan interaksi di antara guru dan pelajar apatah lagi dengan PdP secara dalam talian. Pelajar kerap menutup audio serta video mahupun tiada sebarang maklum balas di ruangan 'chat' semasa sesi perbincangan walaupun amaran diberi oleh guru. Rata-ratanya, pelajar menggunakan waktu PdP untuk bermain 'game', melayari media sosial dan sebagainya.

Dapatan temu bual menunjukkan bukan sekadar pelajar, malah guru-guru Bahasa Melayu juga menghadapi kesukaran mengakses Internet ketika penggunaan GM sebagai medium pelaksanaan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian. Talian jalur lebar yang kurang menyeluruh di sekitar kawasan menyebabkan mereka terpaksa beralih ke sekolah untuk melaksanakan PdP secara dalam talian sepanjang PKP. Oleh kerana kesemua guru Bahasa Melayu mengajar di luar bandar, masalah mengakses Internet adalah masalah utama yang menjejaskan PdP dalam talian. Dalam kajian ini, guru-guru bertungkus lumus dalam menjayakan PdP secara dalam talian, tetapi kehadiran pelajar pula amat merisaukan terutamanya pelajar dari kelas belakang. Dapatan ini sejajar dengan kajian Siti Balqis dan Muniroh (2020), yang menyatakan pelajar-pelajar dari kelas hadapan yang berstatus cemerlang dalam akademik akan selamat, tetapi pelajar-pelajar dari kelas belakang akan terus keciciran pembelajarannya. Kebanyakan pelajar daripada kelas belakang datang daripada keluarga B40. Rata-rata mereka mengalami masalah untuk belajar secara dalam

talian, antaranya kerana faktor ketiadaan peranti digital, masalah capaian Internet, persekitaran rumah yang tidak sesuai untuk belajar, di samping faktor sikap pelajar.

Jika PdP secara bersemuka, guru-guru dapat membimbing kesemua pelajar tanpa ketinggalan pelajaran dengan memberi motivasi tetapi pembelajaran secara talian ini bergantung kepada kesediaan dan motivasi diri pelajar tersebut. Hal ini kerana PdP secara dalam talian bukan sahaja menuntut disiplin tinggi pelajar, malah kerjasama ibu bapa juga perlu bagi memastikan anak-anak tidak tercicir. Hasil kajian oleh Rohaida et al. (2020) membuktikan bahawa masih ramai dalam kalangan ibu bapa tidak menghiraukan pendidikan anaknya malah telah menyerahkan segala tanggungjawabnya kepada guru sehingga langsung tidak mempedulikan perkembangan anaknya. Ibu bapa daripada kategori B40 kurang memberikan kerjasama kepada guru untuk sama-sama membantu anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran. Ibu bapa B40 lebih mengharapkan guru Bahasa Melayu mengajar anak mereka sehingga berjaya dalam pelajaran. Sepatutnya ibu bapa harus sentiasa memberi sokongan dan dorongan supaya pelajar tidak mudah berputus asa kerana mereka berada dalam pemerhatian ibu bapa sepanjang pelaksanaan PdP secara dalam talian. Kurangnya kerjasama ibu bapa menjadikan guru-guru sukar mengetahui perkembangan pelajar. Agak mencabar bagi guru-guru Bahasa Melayu kerana memerlukan komitmen yang tinggi dalam memantau pelajaran serta disiplin pelajar melalui PdP secara dalam talian.

Dengan kata lain, perubahan sistem pendidikan secara dalam talian telah menjadi suatu ujian kepada keberkesanan teori *connectivism* yang merupakan teori pembelajaran era digital, keupayaan guru dan pelajar dalam pelaksanaan PdP melalui amalan sibergogi walaupun berhadapan dengan pelbagai kekangan. Dapatan kajian terbukti bahawa guru-guru Bahasa Melayu banyak kekangan, kesukaran dan masalah dalam menjayakan PdP secara dalam talian kerana faktor capaian Internet, sikap pelajar, dan sikap ibu bapa.

Tahap Kesiediaan Pelajar Sekolah Menengah Menggunakan Aplikasi Google Meet sebagai Medium PdP Bahasa Melayu Secara dalam Talian

Isu kesiediaan pelajar, kemampuan keluarga B40 serta M40, kerjasama ibu bapa antara persoalan asas dalam memastikan PdP secara dalam talian ini dilaksanakan secara berkesan. Majoriti pelajar tidak bersedia untuk mengikuti PdP secara dalam talian menerusi aplikasi GM kerana masih mengutamakan PdP secara bersemuka. Dapatan ini sejajar dengan kajian Siti Balqis dan Muniroh at (2020), di mana pelajar tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan ini, kemungkinan mengambil masa yang agak lama agar pelajar selesai dengan PdP secara dalam talian. Walau

bagaimanapun, PdP secara dalam talian merupakan inisiatif yang telah diambil oleh KPM dalam memastikan proses PdP masih dapat diteruskan sepanjang pandemik COVID-19.

Terdapat pelbagai perkara yang perlu dititikberatkan untuk pelaksanaan PdP secara dalam talian terutamanya hal-hal yang melibatkan kesediaan pelajar. Walaupun sikap pelajar berada pada tahap yang positif untuk mengikuti PdP secara dalam talian tetapi isunya tahap kesediaan yang rendah. Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Bani Hidayat (2020), yang menyatakan pelajar masih tidak bersedia mengikuti PdP secara dalam talian kerana persekitaran yang cukup berlainan daripada PdP bersemuka tidak dapat disesuaikan. Hasil kajian menunjukkan pelajar tidak bersedia untuk berkomunikasi dengan guru dan rakan melalui audio serta video ketika pelaksanaan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian menerusi aplikasi GM. Jika pelajar berasa malu atau segan bersoal jawab, mereka boleh menggunakan ruangan chat yang telah disediakan tetapi masih tidak bersedia untuk maklum balas. Pernyataan ini disokong dalam kajian Siti Balqis dan Muniroh (2020), guru-guru mengatakan sukar juga mewujudkan komunikasi semasa sesi perbincangan semasa PdP secara bersemuka apatah lagi dengan PdP secara dalam talian.

Menurut Mohd Fairuz et al. (2020), tugas guru-guru bukan hanya sekadar melaksanakan pengajaran malah mereka perlu memberi kata-kata semangat, sokongan dan motivasi supaya pelajar-pelajar sentiasa bersedia dalam memberi komitmen yang menyeluruh. Hasil kajian didapati majoriti pelajar mengutamakan PdP secara dalam talian. Hal ini secara jelas menunjukkan para pelajar memahami perubahan pendidikan akibat pandemik COVID-19 tetapi mereka tidak melibatkan diri secara aktif semasa pelaksanaan PdP Bahasa Melayu secara dalam talian menerusi aplikasi GM. Dapatan ini sejajar dengan hasil kajian oleh Zakaria et al. (2020) yang didapati bahawa pelajar tidak aktif menggunakan elemen-elemen GM kerana kurang pengetahuan terhadapnya.

Medium GM merupakan salah satu strategi yang berkesan dalam menyediakan pelajar kearah pembelajaran secara kolaborasi, menjana pemikiran kritikal serta mampu mewujudkan hubungan sosial sewaktu berkomunikasi (Muhammad Izzat et al. 2020). Namun, kerjasama pelajar amat diutamakan bagi menjayakan PdP secara dalam talian. Zakaria et al. (2020) menyatakan bahawa pelajar suka menggunakan media sosial tetapi dari segi aspek PdP mereka tidak bersedia kerana tiada aktiviti pergerakan menyebabkan mereka mudah terasa bosan dan hilangnya fokus. Di sini, guru-guru Bahasa Melayu memainkan peranan dalam mempelbagaikan bahan bantu mengajar (BBM) supaya pelajar sentiasa bersedia dan aktif mengikuti PdP secara dalam talian. Menurut Siti Nurbaizura dan Nurfaradilla (2020), pembelajaran dalam talian lebih berkesan jika ibu bapa juga sentiasa memberi sokongan

dan dorongan dalam menyediakan anak-anak secara mental dan fizikal.

KESIMPULAN

Wabak COVID-19 telah membawa satu perubahan yang besar dalam sistem pendidikan dimana pelaksanaan PdP secara konvensional kepada PdP secara dalam talian sepenuhnya telah mengejutkan pelajar serta guru-guru sekolah. Namun, pelbagai aplikasi yang tersedia boleh digunakan untuk meneruskan PdP secara dalam talian. KPM telah menetapkan penggunaan aplikasi GM sebagai medium pelaksanaan sesi PdP kerana aplikasi tersebut mudah diakses oleh semua pelajar dan mempunyai fungsi yang berguna. PdP berasaskan teknologi bukannya perkara yang baru bagi pelajar serta guru. Situasi ini menjadi satu peluang yang besar bagi guru serta pelajar dalam memanfaatkan platform teknologi secara mendalam. Walau bagaimanapun, pengukuran terhadap tahap kesediaan pelajar serta kekangan yang dihadapi oleh pelajar ketika penggunaan aplikasi GM sebagai medium pelaksanaan PdP secara dalam talian amat penting kerana para pelajar berada dalam lingkungan pemerhatian ibubapa semata-mata.

Majoriti pelajar bersedia menghadapi norma baharu ini, hanya segelintir dalam 20 peratus pelajar tidak bersedia disebabkan oleh kekangan-kekangan yang dihadapi semasa mengikuti PdP menerusi aplikasi GM. Oleh sebab itu, pihak-pihak yang berkaitan perlu mengambil kira kekangan-kekangan ini secara serius agar pelaksanaan PdP secara dalam talian dapat diteruskan dengan berkesan tanpa sebarang gangguan. Namun, sikap pelajar itu sendiri, kekurangan motivasi dan dorongan daripada ibu bapa juga menjadi faktor mengakibatkan tahap kesediaan seseorang pelajar. Kerjasama daripada ibu bapa amat diutamakan oleh guru-guru supaya boleh mengetahui perkembangan anak-anak pada setiap masa. Dengan ini, guru-guru dapat membuat persediaan awal dengan memastikan semua pelajar tidak keciciran pelajaran. Di sini, tahap pengetahuan guru dalam kemahiran TMK memainkan peranan penting supaya guru-guru dapat mempelbagaikan kaedah PdP secara dalam talian serta dapat membina BBM yang efektif yang mampu menarik perhatian pelajar.

Kesimpulannya, pengetahuan dan kekangan serta kesediaan pelajar adalah disebabkan oleh lima faktor utama, iaitu pengetahuan dan kemahiran TMK guru, prasarana jalur lebar, sikap ibu bapa, sikap dan tahap kesediaan pelajar untuk belajar secara dalam talian. Lima faktor utama ini akan menentukan sama ada kaedah PdP secara dalam talian berkesan ataupun tidak berkesan. Justeru, peranan guru, peranan, pengurusan sekolah, peranan ibu bapa, peranan KPM/JPN/PPD dan peranan pihak swasta dapat menjadikan sesi PdP dalam talian lebih bermakna kepada pelajar sekolah. Apa sahaja jenis aplikasi digital yang digunakan sama ada *Google Meet*, *Google Classroom*, *Zoom*, *Microsoft*

Teams, *Webex* dan sebagainya tidak akan berkesan dan berjaya dilaksanakan jika lima faktor utama tidak diatasi segera.

RUJUKAN

- Abdul Halim Abdullah. (2020). COVID-19 buka mata warga pendidik dan pelajar. *Berita Harian*, 28 Mac. Diakses pada 21 Julai 2021 dari: <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/20/03/670374/COVID-19-buka-mata-warga-pendidik-pelajar>
- Abidah Azmil, Nurul Hidayatullaah Hasan, Roy Martin Simamora, Daliana Fehabutar & Lely Mutakinati. (2020). The Impact of COVID-19 to Indonesian education and its relation to the philosophy of merdeka belajar. *Studies in Philosophy of Science and Education*.
- Andrew, A., Cattan, S., Dias, M.C., Farquharson, C., Kraftman, L., Krutikova, S., Phimister, A. & Sevilla, A. (2020). Learning during the lockdown: Real-time data on children's experiences during home learning. Diakses dari: <https://ifs.org.uk/uploads/BN288-Learning-during-the-lockdown-1.pdf> [23 Ogos 2021]
- Arias, J.J., Swinton, J. & Anderson, K. (2018). *Online vs. face-to-face: A comparison of student outcomes with random assignment*. *E-Journal of Business Education and Scholarship of Teaching*, 12 (2), 1-23.
- Azlin Norhaini Mansor, Nur Hidayah Zabarani, Khairul Azhar Jamaludin, Mohamed Yusoff Mohd. Nor, Bity Salwani Alias, & Ahmad Zamri Mansor. (2021). Home-based learning teacher readiness scale: Instrument development and demographic analysis. *Sustainability Journal*, 13 (2228), 1-15.
- Bani Hidayat Mohd Shafie. (2020). Pelaksanaan PdP dalam talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 dan 2 COVID-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2 (2), 213-221.
- Dwi Briliannur Dwi, Aisyah Amelia, Uswatun Hasanah, Abdy Mahesha Putra & Hidayatur Rahman. (2020). Analisis keefektifan pembelajaran online di masa pandemik COVID-19. *Mahaguru: Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 28-37
- Creswell, J.W. 1994. *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publisher.
- Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S. (1994). *Handbook of Qualitative Research*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Hayati Ismail. (2020). COVID-19 Memangkin Perubahan Pendidikan. *Bernamea*. 7 Mei. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1839515>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Sekolah.
- Manzoor, A. & Ramzan, Q. (2020). Online teaching and challenges of COVID-19 for inclusion of

- persons with disabilities in higher education. Diakses dari: https://www.researchgate.net/publication/340681691_Online_Teaching_and_Challenges_Of_COVID-19_For_Inclusion_Of_Persons_with_Disabilities_in_Higher_Education [30 Ogos 2021]
- Marni Izzati Kamaruddin. (2020). Perbezaan tahap pengetahuan, penggunaan dan penerimaan guru Bahasa Melayu berdasarkan faktor umur dan pengalaman mengajar ketika mengaplikasikan persekitaran pembelajaran maya. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 15-28.
- Md. Fadzil Masri. (2020). Keberkesanan kaedah kelas berbalik dalam meningkatkan kemahiran mengolah karangan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof & Hapini Awang. (2020). Kesediaan pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19. *Prosiding Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan*, hlm. 404-410. Anjuran IPG Kampus Darul Aman.
- Muhammad Izzat Mailis, Zuraini Hanim & Nur Hafzaliyana. (2020). Persepsi pelajar Kolej Universiti Islam Melaka terhadap pelaksanaan pembelajaran secara atas talian dalam era pandemik COVID-19. *Jurnal Kesidang*, 5, 88-99.
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan & Ch'ng Pei Eng. (2020). *Adaptasi Pengajaran dan Pembelajaran Secara Maya dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik COVID-19*. Shah Alam: SIG:e-Learning@CS.
- Nor Fauziana Mohd Salleh. (2020). Pandemik Coronavirus (COVID-19): Pembelajaran dan pengajaran secara atas talian satu keperluan di Malaysia. Diakses dari: https://www.researchgate.net/publication/342886967_pandemik_coronavirus_covid_19_pembelajaran_dan_pengajaran_secara_atas_talian_suatu_keperluan_di_malaysia [23 Ogos 2021]
- Nur Hazirah Hairia'an & Masayu Dzainudin. (2020). Pengajaran dan pemudahcaraan dalam talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 18-28.
- Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Khairul Wan Isa. (2020). *Peranan dan Cabaran Pemimpin Pendidikan dalam Memastikan Matlamat dan Agenda Pendidikan Dilestari dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19*. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rohaidah Mazlan, Norziah Amin, Mohd Zaki Abd. Rahman & Zamri Mahamod. (2020). Tahap penguasaan membaca dan menulis murid B40 dari perspektif guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 54-73.
- Shazarina Zdainal Abidin, Suziana Hanini Sulaiman, Suhana Mohamed Lip, Norshilawani Shahisdan, Natasha Ariffin, Mohamas Fuad Ishal & Sapie Sabilan. (2020). Tekanan emosi pensyarah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran atas talian di era pandemik COVID-19. *Prosiding Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan (ISPEN)*, hlm. 289-296. Anjuran Kolej Universiti Islam Selangor pada 10 November 2020.
- Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat. 2020. *Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan*. Shah Alam: SIG:e-Learning@CS.
- Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan *Home Based Learning* semasa tempoh pandemik COVID-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11 (Edisi Khas COVID-19), 46-57
- Sumarni Lapammu & Zamri Mahamod. (2018). Tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar tingkatan 4 terhadap penggunaan pembelajaran persekitaran maya VLE Frog dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (1), 53-62.
- Wikipedia. (2020). Google Meet. Diakses dari: https://en.wikipedia.org/wiki/Google_Meet [23 Ogos 2021]
- Zakaria Saad, Baskaran Subramaniam, Malar Muthiah, Abdul Malek Yaaku, Chin Soo Fong & Othayakumaran Kandasamy. (2020). Kesediaan penggunaan Google Meet sebagai platform pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi siswa guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim. *Proceedings of International Conference on The Future of Education IConFed*, hlm. 84-102. Seminar anjuran IPG Kampus Tuanku Bainun, Pulau Penang pada 17-18 November 2020.
- Zamri Mahamod, Muhammad Helmi Norman & Kamariah Abu Bakar. (2020). Revolusi Industri 4.0: Impaknya pada pendidikan abad ke-21. Dlm. Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (pnyt.). *Sistem Pendidikan di Malaysia: Sejarah dan Cabaran Abad Ke-21*, hlm. 413-448. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2021). Memperkasa pedagogi guru dalam norma baharu pendidikan. Kertas kerja Ucap Utama dalam Kolokium Kajian Tindakan dan Pembelajaran Berasaskan Projek @ KOSERI 2021. Kolokium Anjuran Pejabat Pendidikan Daerah Selangau dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak secara dalam talian pada 19-20 Ogos 2021.